# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
# (AKTA 171)

## UNDANG-UNDANG KECIL
## PELESENAN ANJING DAN
## RUMAH PEMBIAKAN ANJING
## (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1991

## P.U.(A) 470/91

---

SENARAI PINDAAN :

| BIL. | NO. P.U.(A)<br>NO. P.U.(B) | TARIKH DIWARTAKAN | CATITAN |
|---|---|---|---|
| 1 | P.U.(A) 204/2001 | | |
| 2 | P.U.(A) 214/2002 | | |
| 3 | P.U.(A) 333/2011 | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |

BAHAGIAN GUBALAN DAN NASIHAT
JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 35 No. 26 | **31hb Disember 1991** | *TAMBAHAN No. 94 PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 470.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991.** *Nama dan pemakaian.*

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— *Tafsiran.*

"anjing berlesen" ertinya anjing yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil 4;

"Dato Bandar" ertinya Dato Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibukota Persekutuan 1960; *Akta 190.*

"doktor veterinar" ertinya doktor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974; *Akta 147.*

"pemunya", berhubungan dengan seekor anjing, termasuklah mana-mana orang yang menjaga atau mempunyai kawalan ke atas anjing itu;

"rumah pembiakan anjing" ertinya mana-mana bangunan, pegangan atau premis di mana suatu pengusahaan yang berkaitan dengan pemeliharaan, pembiakan, penyimpanan atau latihan anjing dijalankan bagi maksud-maksud komersial.

Pelesenan anjing.

3. (1) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara seseekor anjing yang telah mencapai umur 3 bulan melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sesuatu permohonan untuk lesen hendaklah dibuat kepada Dato Bandar dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diperuntukkan oleh Dato Bandar dan hendaklah disertakan dengan fee sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Sesuatu lesen hendaklah habis tempohnya pada 31hb Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

Daftar dan pengeluaran lesen.

4. (1) Dato Bandar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan, dalam apa-apa bentuk yang difikirkannya patut; apa-apa daftar yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Undang-Undang Kecil ini.

(2) Selepas menerima sesuatu permohonan untuk lesen dan fee yang dinyatakan, Dato Bandar hendaklah—

(*a*) mendaftarkan anjing itu dengan membuat suatu catatan dalam daftar yang menghuraikan butir-butir anjing yang hendak dilesenkan dan nama serta alamat pemunyanya;

(*b*) menguntukkan nombor pendaftaran bagi anjing itu;

(*c*) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan

(*d*) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu resit bagi fee yang telah dibayar.

Pemakaian kolar anjing dan lencana.

5. Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu pada setiap masa dan lencana yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah dipasang dengan sempurna pada kolar itu mengikut cara yang membolehkan lencana itu dilihat dengan jelas apabila kolar itu dipakai oleh anjing itu.

Kehilangan lencana.

6. Jika lencana yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hilang, pemunya anjing yang dilesenkan di bawah undang-undang kecil itu hendaklah mendapatkan lesen yang lain mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 4 sebagai gantian.

7. Jika terdapat suatu pertukaran pemunyaan seekor anjing berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu, memberitahu Dato Bandar mengenai pertukaran sedemikian dan Dato Bandar hendaklah mencatatkan nama dan alamat pemunya baru itu dalam daftar dengan percuma. Pertukaran pemunyaan anjing berlesen.

8. (1) Tanpa menjejaskan undang-undang kecil 3, tiada seorang pun boleh memelihara, melindungi, menyenggara atau membenarkan dipelihara, dilindungi atau disenggara— Sekatan yang dikenakan ke atas pemeliharaan anjing.

(a) lebih daripada dua ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan sembilan ratus meter persegi atau kurang; atau

(b) lebih daripada empat ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan melebihi sembilan ratus meter persegi.

(2) Tiada seorang pun boleh memelihara, melindungi, menyenggara atau membenarkan dipelihara, dilindungi atau disenggarakan seekor anjing di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan.

9. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu dan tempat di mana anjing itu dipelihara disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa. Kehendak kebersihan berkenaan dengan pemeliharaan anjing.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah membuang apa-apa bahan najis anjing itu daripada premisnya dan pembuangan bahan najis sedemikian hendaklah dijalankan mengikut cara atau melalui kaedah yang tidak berkemungkinan menyebabkan kesalahan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

10. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan disenggarakan dengan sempurna. Perlindungan terhadap penganiayaan dan tindakan mudarat.

(2) Mana-mana orang yang—

(a) dengan zalimnya memukul, menendang, memperlakukan secara kejam, menyiksa, menyebabkan kemarahan atau menakutkan mana-mana anjing berlesen, atau menyebabkan atau membenarkan anjing itu dipergunakan sedemikian, atau dengan sewenang-wenangnya atau dengan tidak munasabahnya melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;

(b) mengangkut, membawa atau membenarkan mana-mana anjing berlesen itu diangkut atau dibawa mengikut cara atau kedudukan yang menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tak perlu kepada anjing itu;

(c) menyebabkan, mengakibatkan atau membantu dalam pelagaan mana-mana anjing berlesen; atau

(*d*) tanpa apa-apa sebab atau alasan munasabah, memberi atau membenarkan diberi apa-apa ubat atau bahan beracun atau memudaratkan kepada mana-mana anjing berlesen, atau dengan sengaja menyebabkan apa-apa ubat atau bahan sedemikian dimakan oleh anjing itu,

makan orang itu adalah melakukan suatu kesalahan penganiayaan di bawah undang-undang kecil ini.

(3) Bagi maksud-maksud undang-undang kecil ini, seorang pemunya hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan penganiayaan jika dia telah gagal menjalankan penjagaan dan penyeliaan yang munasabah untuk melindungi anjing itu daripada perbuatan-perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan (2).

Anjing berpenyakit.

11. (1) Sekiranya seekor anjing berlesen berpenyakit, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera membawa anjing itu untuk diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar dan anjing itu tidak boleh dibenarkan disimpan di premis pemunyanya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar itu atau walaupun masih dirawat oleh doktor veterinar itu, telah dibenarkan oleh doktor veterinar itu untuk disimpan di premis pemunyanya.

(2) Jika ternyata kepada Dato Bandar bahawa seekor anjing berlesen mengalami apa-apa penyakit, Dato Bandar boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemunya anjing itu membawa anjingnya untuk diperiksa oleh doktor veterinar dalam suatu tempoh yang dinyatakan di atas perbelanjaan pemunya.

(3) Jika mana-mana anjing berlesen telah diperiksa oleh seorang doktor veterinar di bawah perenggan (1) atau (2) dan doktor veterinar itu berpendapat bahawa anjing itu mengalami penyakit yang merbahaya kepada kesihatan dan kebajikan manusia atau haiwan, pemunya anjing sedemikian hendaklah dengan serta-merta memberitahu Dato Bandar mengenainya, dan Dato Bandar boleh menyebabkan anjing itu ditangkap dan ditahan untuk pengasingan atau pembinasaan untuk mencegah merebaknya apa-apa penyakit merbahaya sedemikian.

(4) Dato Bandar boleh menahan anjing berlesen yang berpenyakit itu dalam pengasingan selama apa-apa tempoh yang perlu bagi mengawasi dan merawati anjing itu, dan jika dia berpuas hati bahawa anjing itu tidak lagi berpenyakit, maka Dato Bandar hendaklah memberitahu pemunya supaya mendapatkan kembali anjing itu dalam tempoh yang dinyatakan setelah membayar kos-kos yang ditanggung oleh Dato Bandar bagi penahanan dan rawatan sedemikian.

(5) Jika anjing berlesen itu tidak didapatkan kembali oleh pemunya atau pemunya enggan membayar kos-kos yang ditanggung oleh Dato Bandar di bawah perenggan (4), Dato Bandar boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau selainnya dilupuskan dan tiada pampasan kena dibayar kepada pemunya oleh Dato Bandar.

(6) Jika Dato Bandar berpuas hati bahawa adalah perlu bagi seekor anjing berlesen yang berpenyakit itu dibinasakan, dia hendaklah melupuskan bangkai anjing itu sebagaimana yang difikirkan patut dan tiada pampasan kena dibayar kepada pemunya bagi pembinasaan sedemikian.

12. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menyebabkan apa-apa kacau ganggu, kepada kawasan persekitaran atau alam sekeliling, khususnya melalui salakan tidak berhenti-henti atau selainnya. Kacau ganggu kerana salakan tidak berhenti-henti, pembuangan najis dan selainnya.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak membuang najis atau kencing di tempat awam.

13. (1) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu berada di bawah kawalan berkesan seseorang melalui tali ikatan atau rantai pada setiap masa apabila anjing itu dibawa keluar daripada premis pemunya. Anjing hendaklah diikat, *dsb.*, dan tidak dibenarkan berkeliaran.

(2) Pemunya seekor anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran di luar premisnya.

14. (1) Jika seekor anjing berlesen mengejar, menyerang atau menggigit mana-mana orang, sama ada atau tidak apa-apa kecederaan dilakukan, pemunya anjing itu adalah melakukan suatu kesalahan. Serangan anjing *dsb.*

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), pemunya anjing itu adalah bertanggungan untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan yang dilakukan oleh anjing itu.

(3) Jika apa-apa kecederaan sedemikian telah dilakukan oleh seekor anjing berlesen dan wujudnya suatu keraguan tentang siapa pemunya anjing itu, penghuni mana-mana rumah atau premis di mana anjing itu dipelihara atau dibenarkan tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu, dan hendaklah bertanggungan bagi kecederaan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia bukanlah pemunya anjing sedemikian pada masa itu:

Dengan syarat bahawa jika terdapat lebih daripada seorang penghuni dalam mana-mana rumah atau premis yang mempunyai bilik atau tempat tinggal sewaan berasingan atau selainnya, penghuni bahagian tertentu atau premis itu yang di dalamnya anjing itu dipelihara atau dibenarkan untuk tinggal atau berada pada masa kecederaan itu hendaklah dianggap sebagai pemunya anjing itu.

(4) Tiada pampasan kena dibayar kepada mana-mana orang di bawah undang-undang kecil ini berkenaan dengan kecederaan yang dialami dalam mana-mana rumah atau premis kecuali atas bukti bahawa dia telah memasuki rumah atau premis sedemikian mengikut perjalanan biasa tugas-tugasnya atau dengan kebenaran nyata atau tersirat penghuni itu.

(5) Tiada liabiliti jenayah boleh berbangkit di bawah undang-undang kecil ini berkenaan dengan apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana orang dalam mana-mana rumah atau premis melainkan jika seorang itu telah memasuki rumah atau premis sedemikian mengikut perjalanan biasa tugas-tugasnya atau dengan kebenaran nyata atau tersirat penghuni itu.

Anjing merbahaya.

15. (1) Dato Bandar boleh mengambil maklum akan aduan bahawa seekor anjing berlesen adalah merbahaya dan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya.

(2) Jika ternyata kepada Dato Bandar setelah mengambil maklum akan aduan itu bahawa anjing sedemikian adalah merbahaya, Dato Bandar boleh membuat suatu perintah mengarahkan pemunya memelihara anjing itu di bawah kawalan sepatutnya.

(3) Jika seekor anjing berlesen dibuktikan telah menyerang atau mencederakan mana-mana orang, anjing itu boleh dikira sebagai anjing merbahaya.

(4) Dalam undang-undang kecil ini, seekor anjing berlesen disifatkan tidak dipelihara di bawah kawalan sepatutnya jika anjing itu tidak disarung mulutnya ataupun diikat dengan tali ikatan atau rantai.

(5) Jika pemunya gagal mematuhi perintah sebagaimana yang diarahkan oleh Dato Bandar di bawah perenggan (2) atau jika telah dibuktikan bahawa anjing berlesen itu telah sekali lagi menyerang atau mencederakan mana-mana orang, Dato Bandar boleh memerintahkan supaya anjing itu ditangkap dan dibinasakan, dan tiada pampasan kena dibayar oleh Dato Bandar kepada pemunya kerana pembinasaan itu.

Penangkapan atau pembinasaan anjing-anjing yang berkeliaran.

16. (1) Mana-mana anjing yang didapati berkeliaran di tempat awam boleh ditangkap oleh Dato Bandar dan ditahan sehinggalah pemunya anjing itu menuntutnya dan membayar fee yang dinyatakan dalam Jadual I.

(2) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut undang-undang kecil ini didapati adalah seekor anjing berlesen melalui lencana yang dipakainya, Dato Bandar hendaklah menyampaikan kepada orang yang nama dan alamatnya telah dicatatkan dalam daftar sebagai pemunya suatu notis yang menyatakan bahawa anjing itu telah ditangkap dan akan dijual atau dibinasakan jika tidak dituntut dalam masa 7 hari dari tarikh notis itu.

(3) Suatu notis di bawah undang-undang kecil ini boleh disampaikan—

*(a)* dengan menyerahkan notis bertulis itu kepada orang yang kepadanya notis itu hendaklah disampaikan;

*(b)* dengan meninggalkan notis bertulis itu di alamat orang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar;

(c) dengan menghantar notis bertulis melalui pos ke alamat orang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar; atau

(d) dengan menyampaikan isi perkara notis itu melalui telefon, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar.

(4) Suatu notis yang dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan tidak lewat dari hari ketujuh selepas hari notis itu diposkan, dan untuk membuktikan penyampaian adalah mencukupi bagi membuktikan bahawa surat yang mengandungi notis itu telah dialamatkan dan diposkan dengan sempurna.

(5) Jika mana-mana anjing yang ditangkap mengikut undang-undang kecil ini—

(a) telah ditahan—

(i) selama tujuh hari selepas penangkapannya; atau

(ii) dalam hal notis yang disampaikan mengikut perenggan (2), selama tujuh hari selepas notis itu disampaikan; dan

(b) tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar fee yang dinyatakan,

maka Dato Bandar boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasakan atau selainnya dilupuskan.

(6) Dato Bandar boleh menyebabkan seekor anjing yang ditangkap di bawah perenggan (1) dibinasakan sebaik sahaja ia ditangkap jika Dato Bandar berpendapat bahawa anjing itu berada dalam suatu keadaan yang menghendaki anjing itu dibinasakan dengan serta-merta.

(7) Dato Bandar tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana anjing semasa anjing itu ditahan.

(8) Dato Bandar tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa jualan, pembinasaan atau pelupusan mana-mana anjing di bawah perenggan (5) atau (6).

17. (1) Tiada seorang pun boleh membina atau menggunakan mana-mana bangunan, pegangan atau premis sebagai rumah pembiakan anjing melainkan jika dilesenkan oleh Dato Bandar di bawah undang-undang kecil ini. Rumah pembiakan anjing hendaklah dilesenkan.

(2) Suatu permohonan untuk lesen hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diperuntukkan oleh Dato Bandar dan pemohon boleh dikehendaki untuk mengemukakan keterangan menyokong bahawa notis sewajarnya mengenai rumah pembiakan anjing yang dicadangkan itu telah diberikan kepada mana-mana

orang yang tinggal atau menduduki mana-mana bangunan atau premis dalam kawasan di mana terletaknya rumah pembiakan anjing itu, dan bahawa kegunaan tanah yang dicadangkan sedemikian mematuhi pelan pembangunan atau sesuatu kebenaran perancangan yang dibenarkan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982.

*Akta 267.*

(3) Jika notis mengenai rumah pembiakan anjing dicadangkan itu sebagaimana yang tersebut dalam perenggan (2) dikehendaki diberikan, Dato Bandar hendaklah mengambil kira apa-apa bantahan yang berbangkit.

(4) Untuk menentukan sama ada untuk meluluskan suatu permohonan untuk lesen, Dato Bandar hendaklah secara khususnya, tetapi tanpa menjejaskan budi bicaranya untuk menahan lesen atas alasan lain, mengambil kira keperluan untuk memastikan—

*(a)* bahawa anjing-anjing itu akan pada setiap masa disimpan di tempat tinggal yang sesuai berkenaan dengan saiz, pencahayaan, pengedaran udara dan kebersihan;

*(b)* bahawa anjing-anjing itu akan dibekalkan secukupnya dengan makan-minum dan tempat tidur yang sesuai;

*(c)* bahawa segala langkah munasabah akan diambil untuk mencegah merebaknya penyakit berjangkit di antara anjing-anjing itu, termasuk penyediaan kemudahan pengasingan yang mencukupi;

*(d)* bahawa langkah-langkah yang berpatutan akan diambil dalam hal kebakaran dan kecemasan yang lain;

*(e)* bahawa suatu daftar disimpan yang mengandungi perihalan mana-mana anjing yang dimasukkan ke dalam rumah pembiakan itu, tarikh kemasukan dan keluar, nama dan alamat pemunya, dan daftar sedemikian hendaklah sentiasa disediakan untuk pemeriksaan Dato Bandar.

Pengeluaran lesen.

18. (1) Apabila permohonan diluluskan, fee lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual II hendaklah dibayar.

(2) Dato Bandar hendaklah mengeluarkan lesen kepada pemohon, dengan atau tanpa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat oleh Dato Bandar untuk memastikan segala atau mana-mana perkara yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 17 (4), dan lesen itu adalah sah selama 12 bulan dan boleh diperbaharui apabila fee yang ditetapkan dibayar tetapi boleh dikensel oleh Dato Bandar pada bila-bila masa jika Dato Bandar tidak berpuas hati dengan penjalanan rumah pembiakan itu atau jika pemohon telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan.

Kuasa untuk memasuki dan memeriksa.

19. (1) Bagi maksud menentukan sama ada suatu kesalahan telah dilakukan atau sedang dilakukan terhadap Undang-Undang Kecil ini, Dato Bandar boleh, pada bila-bila masa yang munasabah dan tertakluk kepada perenggan (2) memasuki dan memeriksa—

*(a)* mana-mana bangunan, pegangan atau premis di mana Dato Bandar mempunyai sebab untuk mempercayai

bahawa seseorang sedang menjalankan suatu rumah pembiakan anjing;

(*b*) mana-mana bangunan, pegangan atau premis yang berkenaan dengannya suatu lesen untuk menjalankan rumah pembiakan anjing telah dipohonkan di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan

(*c*) mana-mana bangunan atau premis yang berkenaan dengannya suatu lesen yang telah diberikan mengikut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini sedang berkuatkuasa.

(2) Jika mana-mana bangunan atau premis digunakan pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai tempat kediaman, Dato Bandar boleh memasuki bangunan atau premis sedemikian hanya selepas mendapat keizinan penghuni atau tuan punya bangunan atau premis ini, dan jika keizinan tidak diberikan, selepas enam jam notis terdahulu.

20. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau arahan yang diberikan oleh Dato Bandar adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penalti.

21. (1) Dato Bandar boleh, jika difikirkan perlu atau patut, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana kehendak Undang-Undang Kecil ini. Pengecualian.

(2) Dato Bandar boleh, apabila memberi pengecualian sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

22. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan) 1981 adalah dibatalkan. Pembatalan dan kekecualian. *P.U. (A) 377/81.*

(2) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil terbatal itu yang belum habis tempohnya hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuasa seolah-olah ia telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

## JADUAL I

(Undang-undang kecil 16)

Caj untuk seekor anjing setiap hari—$2.00

JADUAL II

(Undang-undang kecil 18)

Fee lesen tahunan untuk rumah pembiakan anjing—$150.00

Dibuat pada 18hb Oktober 1991.
[PHEU. 2/5/80; PN. (PU[2]) 328/14.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 22hb November 1991.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
*Perdana Menteri*

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1991

*Act 171.* IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms the following by-laws:

Citation and application.

1. (1) These By-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1991**.

(2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Interpretation.

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

*Act 190.* "Commissioner" means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act 1960;

"kennel establishment" means any building, holding or premises where an undertaking pertaining to the keeping, breeding, boarding or training of dogs is carried on for commercial purposes;

"licensed dog" means a dog licensed under by-laws 4;

"owner" in relation to a dog, includes any person having charge of or having control over the dog;

*Act 147.* "veterinary surgeon" means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeons Act 1974.

Licensing of dogs.

3. (1) No person shall own, keep, harbour or maintain a dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these By-laws.

(2) An application for a license shall be made to the Commissioner in such form as he may provide and shall be accompanied by a fee of ten ringgit.

(3) A license shall expire on the 31st December of the year in which it is issued.

Register and the issuance of licence.

4. (1) The Commissioner shall keep and maintain, in such form as he thinks fit, such registers as he considers neccessary for the purposes of these By-laws.

(2) Upon receipt of an application for a licence and the specified fee, the Commissioner shall—

*(a)* register the dog by causing an entry to be made in the register which shall set out the particulars of the dog to be licensed and the name and address of its owner;

*(b)* allocate for the dog a registration number;

*(c)* issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable badge bearing a serial number corresponding with the registration number allocated to such dog; and

*(d)* issue to the owner of the dog a receipt for the fee paid.

Wearing of dog collar and badge.

5. The owner of a licensed dog shall provide a suitable collar to be worn by the dog at all times and the badge issued under by-law 4 shall be securely fastened to the collar in such manner as to be clearly visible when the collar is worn by the dog.

Loss of badge.

6. Where a badge issued under by-laws 4 is lost, the owner of the dog licensed thereunder shall obtain another badge as a replacement in accordance with the provisions of by-laws 4.

Change of ownership of licensed dog.

7. Where there has been a change in the ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify the Commissioner of such change and the Commissioner shall enter the name and address of the new owner in the register free of charge.

Restrictions imposed on the keeping of dogs.

8. (1) Without prejudice to by-law 3, no person shall keep, harbour, maintain or allow to be kept, harboured or maintained—

*(a)* more than two dogs on his premises which has on area of nine hundred square metres or less; or

*(b)* more than four dogs on his premises which has an area of more than nine hundred square metres.

(2) No person shall keep, harbour, maintain or allow to be kept, harboured or maintained a dog above the ground floor of any building.

Sanitary requirements regarding the keeping of dogs.

9. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog and the place where the dog is kept are maintained in a sanitary condition at all times.

(2) The owner of a licensed dog shall rid his premises of any faecal matter discharged by the dog and such faecal matter shall be disposed of in such manner or by such means as will not be likely to cause offence or nuisance to any other persons.

Protection against cruelty and harmful actions.

10. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog is properly fed and maintained.

(2) If any person—

*(a)* cruelly beat, kick, ill-treat, torture, infuriate or terrify any licensed dog, or cause or permit the dog to be so used, or by wantonly or unreasonably doing or omitting to do any act, causes any unnecessary pain or suffering to the dog;

*(b)* convey, carry or allow to be conveyed or carried any licensed dog in such manner or position as to cause any unnecessary pain or suffering to the dog;

*(c)* cause, procure or assist at the fighting or any licensed dog; or

*(d)* without any reasonable cause or excuse, administer or allow to be administered any poisonous or injurious drug or substance to any licensed dog, or wilfully cause any such drug or substance to be taken by such dog,

such person shall be guilty of an offence of cruelty under this by-law.

(3) For the purposes of this by-law, an owner shall be deemed to have permitted cruelty if he failed to exercise reasonable care and supervision in respect of the protection of the dog therefrom.

Diseased dog.

11. (1) In the event of a licensed dog being diseased, the owner of the dog shall forthwith have the dog examined and treated by a veterinary surgeon and such dog shall not be allowed to be kept in the owner's premises unless the dog has been examined and treated by the veterinary surgeon or is undergoing treatment and has been allowed by the veterinary surgeon to be kept therein.

(2) Where it appears to the Commissioner that a licensed dog is suffering from any disease, the Commissioner may, by notice in writing, require the owner of such dog to have it examined by a veterinary surgeon within a specified period at the expense of the owner.

(3) Where any licensed dog has been examined by a veterinary surgeon under paragraph (1) or (2) and the veterinary surgeon is of the opinion that the dog is suffering from a disease which is a danger to the health and welfare of humans or animals, the owner

of such dog shall immediately inform the Commissioner thereof, and the Commissioner may cause the dog to be seized and detained for isolation or destruction to prevent the outbreak of any such dangerous disease.

(4) The Commissioner may detain the diseased licensed dog in isolation for such period as necessary for observation and treatment, and where he is satisfied that the dog is free from the disease, the Commissioner shall inform the owner to recover the dog within a specified period upon payment of the costs incurred by the Commissioner for such detention and treatment.

(5) Where the licensed dog is not recovered by the owner or the owner refused to pay the costs incurred by the Commissioner under paragraph (4), the Commissioner may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of and no compensation shall be payable to the owner by the Commissioner.

(6) Where the Commissioner is satisfied that it is necessary for a diseased licensed dog to be destroyed, he shall dispose of the body as he thinks fit and no compensation shall be payable to the owner for such destruction.

Nuisance by incessant barking, defecation and otherwise.

12. (1) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not cause any nuisance, to the neighbourhood or environment, particularly by incessant barking, or otherwise.

(2) The owner of a licensed dog shall take all necessary steps to ensure that the dog does not defecate or urinate in a public place.

Dogs to be on leash, etc., and not to be straying.

13. (1) The owner of a licensed dog shall ensure that such dog is under the effective control of some person by means of a leash or a chain cord at all times whenever the dog is taken out of the owner's premises.

(2) The owner of a licensed dog shall ensure that the dog does not stray outside his premises.

Dog attacks, etc.

14. (1) If a licensed dog chases, attacks or bites any person, whether or not any injury is caused, the owner of the dog is guilty of an offence.

(2) Without prejudice to paragraph (1), the owner of the dog shall be liable in damages for the injury caused by the dog.

(3) Where any such injury has been done by a licensed dog and there exist a doubt as to who is the owner of the dog, the occupier of any house or premises where the dog was kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog, and shall be liable for the injury unless he proves that he was not the owner of the dog at that time:

Provided that where there are more occupiers than one in any house or premises let in separate apartments or lodgings or

otherwise, the occupier of that particular part of the house or premises in which the dog has been kept or permitted to live or remain at the time of the injury shall be presumed to be the owner of the dog.

(4) No compensation shall be payable to any person under this by-law in respect of injury sustained in any house or premises except upon proof that he entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with express or implied permission of the occupier.

(5) No criminal liability shall arise under this by-law in respect of any injury sustained by any person in any house or premises unless such person has entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with the express or implied permission of the occupier.

Dangerous dogs.

15. (1) The Commissioner may take cognizance of a complaint that a licensed dog is dangerous and not kept under proper control.

(2) Where it appears to the Commissioner having cognizance of such complaint that such dog is dangerous, the Commissioner may make an order directing the owner to keep the dog under proper control.

(3) Where a licensed dog is proven to have attacked or injured any person, it may be dealt as a dangerous dog.

(4) In this by-law, a licensed dog is deemed not to be kept under proper control if it is neither muzzled nor kept on a leash or chain cord.

(5) Where the owner fails to comply with the order as directed by the Commissioner under paragraph (2) or where it is proven that the licensed dog has again attacked or injured any person, the Commissioner may order for the dog to be seized and destroyed, and no compensation shall be payable to the owner for the destruction of such dog by the Commissioner.

Seizure or destruction of stray dogs.

16. (1) Any dog found straying in a public place may be seized by the Commissioner and be detained until the owner has claimed it and paid the specified fee in Schedule I.

(2) Where any dog seized in accordance with this by-law is found to be a licensed dog by the badge it wears, the Commissioner shall serve on the person whose name and address has been entered in the register as the owner a notice stating that the dog has been seized and is liable to be sold or destroyed if not claimed within 7 days after the date of the notice.

(3) A notice under this by-law may be served—

*(a)* by delivering the notice in writing to the person on whom it is to be served;

*(b)* by leaving the notice in writing at that person's address as stated in the register;

(c) by forwarding the notice in writing by post to that person's address as stated in the register; or

(d) by conveying the substance of the notice by telephone, if any, as stated in the register.

(4) A notice sent by post shall be deemed to have been served not later than the seventh day succeeding the day when posted, and in proving the service it shall be sufficient to prove that the letter containing the notice was properly addressed and posted.

(5) Where any dog seized in accordance with this by-law—

(a) has been detained—

(i) for seven days after the seizure; or

(ii) in the case of a notice served in accordance with paragraph (2), for seven days after the notice was served; and

(b) has not been claimed by the owner or the owner refused to pay the specified fee,

then the Commissioner may cause the dog to be sold, destroyed or otherwise disposed of.

(6) The Commissioner may cause a dog seized under paragraph (1) to be destroyed immediately it is seized if in his opinion the dog is in such condition that it ought to be destroyed forthwith.

(7) The Commissioner shall not be liable to pay any compensation to any owner for any injury or the death of any dog while the dog is detained.

(8) The Commissioner shall not be liable to pay any compensation to any owner for the sale, destruction or disposal of any dog under paragraph (5) or (6).

17. (1) No person shall contruct or use any building, holding or premises as a kennel establishment unless licensed by the Commissioner under this by-law. Kennel establishment to be licensed.

(2) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the Commissioner and the applicant may be required to submit supporting evidence that due notice of the proposed kennel establishment has been given to any person residing or occupying any building or premises within the locality where the kennel establishment is to be situated and that the proposed land use is in conformity with the development plan or any planning permission granted under the Federal Territory (Planning) Act 1982. Act 267.

(3) Where notice of the proposed kennel establishment as referred to in paragraph (2) is required to be given, the Commissioner shall have regard to any objections raised.

(4) In determining whether to approve an application for a licence, the Commissioner shall in particular, but without prejudice

to his discretion to withhold a licence on other grounds, have regard to the need for securing—

(a) that the dogs will at all times be kept in accommodation suitable as respects size, lighting, ventilation and cleanliness;

(b) that the dogs will be adequately supplied with suitable food and drink and bedding material;

(c) that all reasonable precautions will be taken to prevent the spread among the dogs of infectious diseases, including the provision of adequate isolation facilities;

(d) the appropriate steps will be taken is case of fire or other emergency;

(e) that the register be kept containing a description of any dogs received into the establishment, date of arrival and departure, name and address of owner, and such register to be available for inspection at all times by the Commissioner.

Issuance of licence.

18. (1) Upon approval of the application, the licence fee as prescribed in Schedule II shall be paid.

(2) The Commissioner shall issue a licence to the applicant, with or without conditions as the Commissioner deems necessary or expedient for securing all or any of the objects specified in by-law 17 (4), and the licence shall be valid for 12 months and is renewable upon payment of the prescribed fee but may be cancelled at any time by the Commissioner if he is dissatisfied with the conduct of the establishment or the applicant has breached any conditions that has been imposed.

Power of entry and inspection.

19. (1) For the purpose of ascertaining whether an offence has been committed or is being committed against these By-laws, the Commissioner may, at all reasonable times and subject to paragraph (2), enter and inspect—

(a) any building, holding, or premises where the Commissioner has reason to believe a person is carrying on a kennel establishment;

(b) any building, holding or premises as respects which a licence to carry on a kennel establishment has been applied for under these By-laws; and

(c) any building or premises as respects which a licence granted in accordance with the provisions of these By-laws is in force.

(2) Where any building or premises is used wholly or mainly as a dwelling, the Commissioner may enter such building or premises only after obtaining the consent of the occupier or

proprietor, and where consent is not given, after six hours previous notice.

20. Any person who contravences or fails to comply with any of the provisions of these By-laws or any conditions or directions given by the Commissioner shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a terms of imprisonment not exceeding one year or to both. Penalties.

21. (1) The Commissioner may, where he thinks it necessary or proper, exempt any person or class of persons from any of the requirement of these By-laws. Exemption.

(2) The Commissioner may, in giving such exemption, impose such conditions as he thinks fit.

22. (1) The Licensing of Dogs (Federal Territory) By-laws 1981 are revoked. Revocation and savings. *P.U. (A) 377/81.*

(2) A licence issued under the repealed By-laws which has not expired shall continue in force and have effect as if it has been issued under these By-laws.

SCHEDULE I

(By-law 16)

Charges per dog per day—$2.00

SCHEDULE II

(By-law 18)

Annual licence fee for kennel establishment—$150.00

Made this 18th October 1991.
[PHEU. 2/5/80; PN. (PU$^2$) 328/14.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed this 22nd November 1991.

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
*Prime Minister*

# P.U.(A) 204/2001

(4) Any receptacle used to contain building materials shall not be placed in such manner that is likely to cause danger, inconvenience or annoyance to the public and the site where the receptacle is placed shall be sufficiently lighted from 7.00 p.m. to 7.00 a.m.

(5) For the purpose of by-laws 18 and 19, the words "building materials" shall include any waste from the activity of construction or demolition.".

Made 23 June 2001.
[JHEU²/6/2000; PN(PU²)252B]

DATO' SERI ONG KA TING
*Minister of Housing and Local Government*

**P.U. (A) 204.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2001.**

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Pindaan am**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 [*P.U. (A) 470/91*], yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan memotong perkataan "berlesen" di mana-mana jua ia terdapat dalam undang-undang kecil 9, 10, 11, 12, 13, 14 dan 15.

**Pindaan undang-undang kecil 3**

3. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan (1), dengan memotong perkataan "yang telah mencapai umur 3 bulan";

*(b)* dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan "sepuluh ringgit" dengan perkataan "lima puluh ringgit bagi setiap anjing";

*(c)* dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

"(3) Suatu lesen hendaklah sah bagi suatu tempoh minimum selama setahun dan lesen itu boleh dikeluarkan bagi suatu tempoh maksimum sehingga tiga tahun dan lesen itu adalah sah dari tarikh pengeluarannya."; dan

*(d)* dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

"(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana orang atau digunakan untuk mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara anjing yang lain.

(5) Fi yang dibayar di bawah perenggan (2) tidak boleh dibayar balik.".

**Pindaan undang-undang kecil 4**

4. Perenggan 4(2) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan *(a)*, *(b)*, *(c)* dan *(d)* dengan subperenggan yang berikut:

"*(a)* mendaftarkan nama, nombor kad pengenalan dan alamat pemunya anjing dan butir-butir anjing seperti—

(i) baka atau apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan anjing itu;

(ii) tempat anjing itu dipelihara; dan

(iii) nombor siri lesen yang dikeluarkan di bawah subperenggan *(b)*;

*(b)* mengeluarkan kepada pemunya suatu lesen dengan suatu nombor siri dalam bentuk lencana bagi setiap anjing; dan

*(c)* mengeluarkan kepada pemunya suatu resit bagi fi yang dibayar.".

**Pindaan undang-undang kecil 8**

5. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan (1), dengan menggantikan subperenggan *(a)* dan *(b)* dengan subperenggan yang berikut:

"*(a)* lebih daripada seekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan tiga ratus meter persegi atau kurang; atau

*(b)* lebih daripada dua ekor anjing di premisnya yang mempunyai keluasan lebih daripada tiga ratus meter persegi.";

(*b*) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

"(2) Tiada seorang pun boleh memelihara, melindungi, menyenggara atau membenarkan dipelihara, dilindungi atau disenggarakan mana-mana anjing—

(*a*) di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan; atau

(*b*) di tingkat bawah sesuatu bangunan yang mempunyai hakmilik strata; atau

(*c*) di tingkat bawah sesuatu bangunan yang tidak mempunyai halaman berpagar.".

**Pindaan undang-undang kecil 10**

6. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(*a*) dalam subperenggan (2)*(c)*, dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;

(*b*) dalam subperenggan (2)*(d)*, dengan menggantikan koma dengan perkataan "; atau"; dan

(*c*) dengan memasukkan selepas subperenggan (2)*(d)* subperenggan yang berikut:

"*(e)* membiarkan atau meninggalkan mana-mana anjing di mana-mana tempat awam,".

**Pindaan undang-undang kecil 15**

7. Undang-undang kecil 15 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(*a*) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan "membuat suatu perintah mengarahkan pemunya memelihara anjing itu di bawah kawalan sepatutnya" dengan perkataan "mengeluarkan suatu notis bertulis menghendaki pemunya memelihara anjing itu di bawah kawalan sepatutnya atau memerintahkan supaya anjing itu disita dan dibinasakan.";

(*b*) dengan menggantikan perenggan (5) dengan perenggan yang berikut:

"(5) Jika pemunya gagal mematuhi notis bertulis yang dikeluarkan oleh Dato Bandar di bawah perenggan (2), dia adalah melakukan suatu kesalahan."; dan

(*c*) dengan memasukkan selepas perenggan (5) perenggan yang berikut:

"(6) Jika pemunya gagal memelihara anjing di bawah kawalan sepatutnya sebagaimana yang dikehendaki oleh notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (2), Dato Bandar boleh menyita dan membinasakan anjing itu.

(7) Tiada pampasan boleh kena dibayar oleh Dato Bandar bagi pembinasaan anjing itu.".

**Undang-undang kecil baru 16A**

8. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 16 undang-undang kecil yang berikut:

"Penyitaan anjing yang tidak berlesen.

16A. (1) Dato Bandar boleh menyita dan menahan mana-mana anjing yang tidak berlesen.

(2) Mana-mana anjing yang tidak berlesen yang ditahan di bawah perenggan (1) hendaklah dituntut oleh pemunyanya dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyitaan.

(3) Jika pemunya gagal untuk menuntut anjing itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2), Dato Bandar boleh menyebabkan anjing itu dijual, dibinasa atau dilupuskan dan tiada pampasan boleh kena dibayar oleh Dato Bandar bagi penjualan, pembinasaan atau pelupusan anjing itu.

(4) Jika pemunya telah membuat tuntutan untuk mendapat balik anjing itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2), Dato Bandar hendaklah melepaskan anjing itu—

*(a)* selepas pembayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual 1; dan

*(b)* selepas menerima permohonan untuk lesen dan selepas pembayaran fi seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3(2).".

Dibuat 30 Mei 2001.
[JHEU/5/80 Pt. III; PN(PU[2])328/14]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan 14 Jun 2001.

DATO' SERI ONG KA TING
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2001

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

**Citation and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2001.**

(2) These By-Laws apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

**General amendment**

2. The Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1991 [*P.U. (A) 470/91*], which in these By-laws are referred to as the "principal By-laws", are amended by deleting the word "licensed" wherever it appears in by-laws 9, 10, 11, 12, 13, 14 and 15.

**Amendment of by-law 3**

3. By-law 3 of the principal By-laws is amended—

*(a)* in paragraph (1), by deleting the words "that has reached the age of three months";

*(b)* in paragraph (2), by substituting for the words "ten ringgit" the words "fifty ringgit for each dog";

*(c)* by substituting for paragraph (3) the following paragraph:

"(3) A licence shall be valid for a minimum period of one year and it may be issued for a maximum period of up to three years and it shall be valid from the date of its issuance."; and

*(d)* by inserting after paragraph (3) the following paragraphs:

"(4) A licence issued under these By-laws is not transferable to any person or to be used for owning, keeping, harbouring or maintaining another dog.

(5) The fee paid under paragraph (2) is not refundable.".

**Amendment of by-law 4**

4. Paragraph 4(2) of the principal By-laws is amended by substituting for subparagraphs *(a)*, *(b)*, *(c)* and *(d)* the following subparagraphs:

"*(a)* register the name, identity card number and address of the owner of the dog and the particulars of the dog such as—

(i) the breed or any other relevant particulars of the dog;

(ii) the place where the dog is kept; and

(iii) the serial number of the licence issued under subparagraph *(b)*;

*(b)* issue to the owner a licence with a serial number in the form of a badge for each dog; and

*(c)* issue to the owner a receipt for the fee paid.".

**Amendment of by-law 8**

5. By-law 8 of the principal By-laws is amended—

*(a)* in paragraph (1), by substituting for subparagraphs *(a)* and *(b)* the following subparagraphs:

"*(a)* more than one dog on his premises which has an area of three hundred square metres or less; or

*(b)* more than two dogs on his premises which has an area of more than three hundred square metres.";

*(b)* by substituting for paragraph (2) the following paragraph:

"(2) No person shall keep, harbour, maintain or allow to be kept, harboured or maintained any dog—

*(a)* above the ground floor of any buiding; or

*(b)* on the ground floor of any building which has a strata title; or

*(c)* on the ground floor of any building without a fenced compound.".

**Amendment of by-law 10**

6. By-law 10 of the principal By-laws is amended—

*(a)* in subparagraph (2)*(c)*, by deleting the word "or" at the end of the paragraph;

*(b)* in subparagraph (2)*(d)*, by substituting for the comma the word "; or"; and

*(c)* by inserting after subparagraph (2)*(d)* the following subparagraph:

"*(e)* abandon or leave any dog in any public area,".

**Amendment of by-law 15**

7. By-law 15 of the principal By-laws is amended—

*(a)* in paragraph (2), by substituting for the words "make an order directing the owner to keep the dog under proper control" the word "issue a notice in writing requiring the owner to keep the dog under proper control or order the dog to be seized and destroyed.";

*(b)* by substituting for paragraph (5) the following paragraph:

"(5) where the owner fails to comply with the notice in writing issued by the Commissioner under paragraph (2), he shall be guilty of an offence."; and

*(c)* by inserting after paragraph (5) the following paragraphs:

"(6) Where the owner fails to keep the dog under proper control as required by the notice issued under paragraph (2), the Commissioner may seize and destroy the dog.

(7) No compensation shall be payable by the Commissioner for the destruction of the dog.".

**New by-law 16A**

8. The principal By-laws are amended by inserting after by-law 16 the following by-law:

"Seizure of unlicensed dog.

16A. (1) The Commissioner may seize and detain any unlicensed dog.

(2) Any unlicensed dog detained under paragraph (1) shall be claimed by its owner within seven days from the date of seizure.

(3) Where the owner fails to claim the dog within the period specified in paragraph (2), the Commissioner may cause the dog to be sold, destroyed or disposed of and no compensation shall be payable by the Commissioner for the sale, destruction or disposal of the dog.

(4) Where the owner has made a claim for the dog within the period specified in paragraph (2), the Commissioner shall release the dog—

(i) upon payment of fee as specified in Schedule 1; and

(ii) upon an application for a licence and upon payment of fee as specified in paragraph 3(2).".

Made 30 May 2001.
[JHEU/5/80 PT. III; PN(PU[2])328/14]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed 14 June 2001.

DATO' SERI ONG KA TING
*Minister of Housing and Local Government*

# P.U.(A) 214/2002

FEDERAL CONSTITUTION

CONSTITUTION OF THE HIGH COURTS (JUDICIAL COMMISSIONERS) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by Clause (1) of Article 122AB of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong acting on the advice of the Prime Minister, after consulting the Chief Justice of the Federal Court, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Constitution of the High Courts (Judicial Commissioners) Order 2002.**

(2) This order shall be deemed to have come into operation on 1 January 2002.

**Appointment of Judicial Commissioner**

2. Dato' Balia Yusof bin Wahi is appointed to be a Judicial Commissioner for a period of two years with effect from 1 January 2002.

Made 2 May 2002.
[JK/MA 07 Jld. III; PN(PU$^2$)171/XIX]

By Command,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
*Secretary to the Cabinet*

**P.U. (A) 214.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2002.**

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

**Pindaan undang-undang kecil 3**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 [*P.U. (A) 470/91*] dipinda dalam undang-undang kecil 3—

*(a)* dalam perenggan (2), dengan memotong perkataan "dan hendaklah disertakan dengan fee sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap anjing"; dan

*(b)* dengan menggantikan perenggan (5) dengan perenggan yang berikut:

"(5) Dato Bandar boleh, mengikut budi bicaranya mengenakan fi bagi lesen tahunan suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh ringgit bagi setiap anjing dan fi yang dibayar tidak boleh dibayar balik.".

Dibuat 12 April 2002.
[JHEU/5/80 PT. III; PN(PU²)328/14]

KOLONEL DATUK MOHMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan 6 Mei 2002.

DATO' SERI ONG KA TING
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

**Citation, application and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2002.**

(2) These By-laws apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

(3) These By-laws shall be deemed to have come into operation on 1 January 2002.

**Amendment of by-law 3**

2. The Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1991 [*P.U. (A) 470/91*] are amended in by-law 3—

*(a)* in paragraph (2), by deleting the words "and shall be accompanied by a fee of fifty ringgit for each dog"; and

*(b)* by substituting for paragraph (5) the following paragraph:

"(5) The Commissioner may, at his discretion, impose a fee for annual license of a sum not exceeding fifty ringgit for each dog and the fee paid is not refundable.".

Made 12 April 2002.
[JHEU/5/80 PT. III; PN(PU$^2$)328/14]

KOLONEL DATUK MOHMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed 6 May 2002.

DATO' SERI ONG KA TING
*Minister of Housing and Local Government*

**P.U. (A) 215.**

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 5) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 5) 2002.**

**Peremitan**

2. Duti setem yang kena dibayar atas surat cara perjanjian suatu pinjaman berjumlah sebelas juta lima ratus ribu ringgit (RM11,500,000.00) bertarikh 29 September 2001 yang disempurnakan antara Bursa Dagangan Sekuriti & Sebutharga Automasi Malaysia Bhd. (MESDAQ) (sebagai peminjam) dengan Kerajaan Malaysia diremit sepenuhnya.

Dibuat 26 April 2002.
[Perb. (8.09) 248/39/7-582; LHDN. 01/34/42/68-180-2 (3/2002); PN(PU$^2$)159/XXVI]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

CHAN KONG CHOY
*Timbalan Menteri Kewangan*

P.U.(A) 333/2011

P.U. (A) 333.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2011.**

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2011.

**Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 [*P.U. (A) 470/1991*], yang disebut "Undang-Undang Kecil ibu" dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2—

*(a)* dengan menggantikan takrif "anjing berlesen" dengan takrif yang berikut:

' "anjing berlesen" ertinya anjing yang telah diimplankan dengan mikrocip dan dilesenkan di bawah undang-undang kecil 3;';

*(b)* dengan memasukkan selepas takrif "anjing berlesen" takrif yang berikut:

' "anjing kecil" ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II;

*(c)* dengan memasukkan selepas takrif "anjing kecil" takrif yang berikut:

' "anjing terkawal" ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual IV;';

(*d*) dengan memasukkan sebelum takrif "Datuk Bandar" takrif yang berikut:

' "anjing terlarang" ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual III;';

(*e*) dengan memasukkan selepas takrif "doktor veterinar" takrif yang berikut:

' "mikrocip" ertinya suatu peranti elektronik terkod yang diimplankan dalam anjing yang mengandungi nombor pendaftaran anjing itu;'; dan

(*f*) dengan memasukkan selepas takrif "rumah pembiakan anjing" takrif yang berikut:

' "Sijil Mikrocip" ertinya sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I.".

**Pindaan undang-undang kecil 3**

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 3 dengan undang-undang kecil yang berikut:

"**Pelesenan anjing**

3. (1) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara mana-mana anjing melainkan jika anjing itu dilesenkan menurut Undang-Undang Kecil ini.

(2) Suatu permohonan bagi suatu lesen—

(*a*) hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

(*b*) hendaklah disertakan dengan fi sebanyak sepuluh ringgit; dan

(*c*) dalam hal anjing terkawal, hendaklah dibuat selepas—

(i) pemohon telah mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing; dan

(ii) anjing itu telah mengikuti dan lulus kursus "Canine Good Citizen",

yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Jika suatu permohonan untuk lesen diluluskan, pemohon hendaklah menyebabkan anjingnya diimplankan dengan mikrocip di bawah undang-undang kecil 3A.

(5) Suatu lesen hanya boleh diberikan apabila pemohon—

*(a)* mengemukakan Sijil Mikrocip;

*(b)* membayar fi tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual V; dan

*(c)* dalam hal anjing terkawal, mengemukakan suatu perakuan yang menunjukkan bahawa pemohon itu telah lulus kursus pengendalian anjing dan anjingnya telah lulus kursus "Canine Good Citizen" menurut subperenggan (2)*(c)*.

(6) Suatu lesen yang diberikan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah sah bagi tempoh minimum satu tahun dan lesen itu boleh dikeluarkan bagi tempoh maksimum sehingga tiga tahun dan ia hendaklah dibaharui pada atau sebelum tempoh itu tamat.

(7) Fi yang dibayar di bawah perenggan (2) tidak boleh dibayar balik.".

**Undang-undang kecil baru 3A, 3B dan 3C**

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 3 undang-undang kecil yang berikut:

"**Pengimplanan mikrocip**

3A. (1) Pemohon di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah, apabila menerima kelulusan permohonan bagi melesenkan anjingnya, membawa anjingnya kepada seorang doktor veterinar bagi pengimplanan mikrocip.

(2) Pengimplanan mikrocip hendaklah dilakukan oleh doktor veterinar yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Suatu mikrocip hendaklah diimplankan dalam anjing pada dorsal di bawah kulit di antara garis tengah kranial hingga skapula anjing itu.

(4) Kos pengimplanan mikrocip hendaklah ditanggung oleh pemohon.

(5) Doktor veterinar yang telah melakukan suatu pengimplanan mikrocip hendaklah mengeluarkan suatu Sijil Mikrocip yang lengkap dan bertandatangan kepada pemohon.

(6) Doktor veterinar hendaklah, dalam masa satu minggu selepas pengimplanan mikrocip dilakukan ke atas anjing, mengemukakan suatu salinan Sijil Mikrocip yang dikeluarkan di bawah perenggan (5) kepada Datuk Bandar.

**Mikrocip dan Sijil Mikrocip**

3B. (1) Bagi maksud pengimplanan mikrocip, seseorang doktor veterinar hendaklah menggunakan mikrocip dan Sijil Mikrocip yang dibekalkan oleh Datuk Bandar.

(2) Seseorang doktor veterinar boleh memperoleh mikrocip dan Sijil Mikrocip daripada Datuk Bandar apabila dibayar sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

**Pembaharuan lesen**

3C. (1) Suatu permohonan untuk membaharui lesen—

*(a)* hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan disertakan dengan fi sebanyak sepuluh ringgit; dan

*(b)* hendaklah disertakan dengan Sijil Mikrocip.

(2) Datuk Bandar boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Fi yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak boleh dibayar balik.".

**Pindaan undang-undang kecil 4**

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 4 dengan undang-undang kecil yang berikut:

**"Daftar**

4. Datuk Bandar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar yang mengandungi butir yang berikut:

*(a)* alamat dan butir-butir pemunya anjing;

*(b)* baka, jantina dan umur anjing;

*(c)* sama ada anjing itu telah dimandulkan atau dikasikan;

*(d)* tempat anjing itu dipelihara;

*(e)* doktor veterinar yang melakukan pengimplanan mikrocip;

*(f)* nombor siri Sijil Mikrocip dan lesen;

*(g)* tempoh sah lesen; dan

*(h)* apa-apa butir berkaitan yang lain.".

**Undang-undang kecil baru 4A dan 4B**

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 4 undang-undang kecil yang berikut:

"**Perubahan butir-butir**

4A. (1) Seseorang pemunya anjing hendaklah, apabila terdapat apa-apa perubahan mengenai—

*(a)* alamatnya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesennya;

*(b)* tempat anjingnya dipelihara; atau

*(c)* apa-apa butir berkenaan dengan anjingnya,

dengan segera memohon kepada Datuk Bandar untuk mengubah butir-butir itu.

(2) Suatu permohonan untuk mengubah butir-butir di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan disertakan dengan fi sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah perenggan (2), Datuk Bandar hendaklah meminda butir-butir lesen itu dan mencatatkan butir-butir itu ke dalam daftar dengan sewajarnya.

**Pengemukaan lesen**

4B. (1) Seseorang pemunya anjing hendaklah menyimpan lesen yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 3 dan hendaklah mengemukakan lesen itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pemunya yang gagal untuk mengemukakan lesen untuk pemeriksaan adalah melakukan suatu kesalahan.".

**Pemotongan undang-undang kecil 5 dan 6**

7. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 5 dan 6.

**Pindaan undang-undang kecil 7**

8. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 7 dengan undang-undang kecil yang berikut:

"7. (1) Jika pemunyaan seekor anjing telah bertukar, pelesenan anjing itu hendaklah terus berkuat kuasa tetapi pemunya terdahulu dan pemunya baru hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari pertukaran pemunyaan itu memohon pertukaran butir-butir pemunyaan kepada Datuk Bandar.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah diluluskan hanya apabila—

*(a)* pemunya terdahulu mengemukakan lesen dan Sijil Mikrocip yang dikeluarkan kepadanya;

*(b)* pemunya baru membayar fi sebanyak sepuluh ringgit; dan

*(c)* dalam hal anjing terkawal berlesen, pemunya baru mengemukakan suatu perakuan yang menunjukkan bahawa dia telah mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Jika permohonan di bawah perenggan (1) diluluskan, Datuk Bandar hendaklah mencatatkan nama dan alamat pemunya baru itu pada lesen dan Sijil Mikrocip dan hendaklah meminda daftar dengan sewajarnya.".

**Undang-undang kecil baru 7A**

9. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 7 undang-undang kecil yang berikut:

**"Kehilangan, dsb., anjing berlesen**

7A. Jika seseekor anjing berlesen hilang, mati atau dipindahkan keluar dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera memaklumkannya secara bertulis kepada Datuk Bandar.".

**Pindaan undang-undang kecil 8**

10. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (1), mana-mana orang yang bercadang untuk memelihara, melindungi atau menyenggara atau membenarkan dipelihara, dilindungi atau disenggara anjing melebihi bilangan yang dibenarkan di premisnya hendaklah memohon kebenaran kepada Datuk Bandar.

(1B) Datuk Bandar boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(1C) Kebenaran yang diberikan di bawah undang-undang kecil ini boleh tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Datuk Bandar."; dan

*(b)* dengan menggantikan subperenggan 2*(b)* dengan subperenggan yang berikut:

"*(b)* dalam mana-mana flat; atau".

**Undang-undang kecil baru 8A, 8B dan 8C**

11. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 8 undang-undang kecil yang berikut:

"**Anjing kecil di flat**

8A. Tertakluk kepada undang-undang kecil 3 dan walau apa pun perenggan 8(2)*(b)*, Datuk Bandar boleh membenarkan seekor anjing kecil dipelihara, dilindungi atau disenggara di suatu flat.

**Larangan terhadap anjing terlarang**

8B. (1) Walau apa pun undang-undang kecil 3, tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara mana-mana anjing terlarang.

(2) Datuk Bandar hendaklah menyita dan melupuskan mana-mana anjing terlarang yang dijumpai di mana-mana premis atau dijumpai berkeliaran di tempat awam.

(3) Tiada pampasan boleh kena dibayar oleh Datuk Bandar bagi pelupusan anjing itu.

**Tanggungjawab pemunya berlesen anjing terkawal**

8C. Seseorang yang diberikan lesen untuk mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara anjing terkawal hendaklah—

*(a)* memelihara anjing itu di bawah pengawasan yang sepatutnya pada setiap masa;

*(b)* memastikan bahawa anjing itu diikat dan ditutup mulutnya dan berada di bawah kawalan yang sepatutnya pada setiap masa bila mana ia dibawa keluar dari premis;

*(c)* memastikan bahawa anjing itu tidak berkeliaran keluar dari tempat ia dipelihara;

*(d)* memastikan bahawa premisnya dipagar dengan selamat dan pagar itu disenggarakan dengan sepatutnya pada setiap masa;

*(e)* mempamerkan pada setiap masa tanda "AWAS ANJING" di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya.".

**Pindaan undang-undang kecil 12**

12. Undang-undang kecil 12 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

*(a)* dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

"(1A) Jika ada aduan mengenai salakan tidak berhenti-henti oleh seseekor anjing yang menyebabkan kacau ganggu kepada kawasan persekitaran diterima oleh Datuk Bandar, Datuk Bandar boleh

menghendaki pemunya anjing itu untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah kacau ganggu itu atau mengarahkan pemunya anjing itu untuk memindahkan anjingnya ke suatu tempat lain dan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Datuk Bandar."; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas perenggan (2) perenggan yang berikut:

"(2A) Jika seseekor anjing membuang najis di tempat awam atau di tanah atau premis selain yang dihuni oleh pemunya, pemunya anjing itu hendaklah dengan segera membuang najis itu dan melupuskannya dengan cara yang tidak menyebabkan kacau ganggu.".

**Pindaan undang-undang kecil 16**

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 16—

*(a)* dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan "I" dengan perkataan "VI"; dan

*(b)* dalam perenggan (2), dengan memotong perkataan "melalui lencana yang dipakainya".

**Pindaan undang-undang kecil 16A**

14. Undang-undang kecil 16A Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (4)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

"(ii) selepas menerima permohonan bagi lesen menurut undang-undang kecil 3.".

**Pindaan undang-undang kecil 18**

15. Perenggan 18(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "II" dengan perkataan "VII".

**Pindaan Jadual I dan II**

16. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan Jadual I dan II dengan Jadual yang berikut:

"

JADUAL I

(Undang-undang kecil 2)

SIJIL MIKROCIP

SIJIL MIKROCIP

MICROCHIP CERTIFICATE NO.

| | |
|---|---|
| **NAMA HAIWAN:**<br>NAME OF PET | |
| **JENIS:**<br>SPECIES | |
| **BAKA:**<br>BREED | |
| **JANTINA:**<br>SEX | |
| **TARIKH LAHIR:**<br>DATE OF BIRTH | |
| **MANDUL/KASI:**<br>SPAYED/CASTRATED | **YA/TIDAK**<br>YES/NO |

| | |
|---|---|
| PEMUNYA:<br>OWNER:<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br>[ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ][ ]<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | BUTIR-BUTIR MIKROCIP<br>MIKROCHIP DETAILS<br><br>PENGELUAR:<br>MANUFACTURER<br><br>NO. SIRI ID/ID SERIAL NUMBER: |

DENGAN INI DIPERAKUKAN BAHAWA HAIWAN DI ATAS TELAH DIIMPLANKAN DENGAN MIKROCIP
IT IS HEREBY CERTIFIED THAT THE ABOVE MENTIONED PET HAS BEEN IMPLANTED WITH MICROCHIP

PADA ______________________
ON

..........................................
TANDATANGAN & COP
DOKTOR VETERINAR
Veterinarian
Signature & Stamp

Malaysian Veterinary Council No.:

**PERTUKARAN PEMUNYAAN DAN ALAMAT**
**CHANGE OF OWNERSHIP & ADDRESS**

| | | |
|---|---|---|
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP.:<br>IC NO.:<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..............................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..............................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..............................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |

## JADUAL II

(Undang-undang kecil 2)

ANJING KECIL

Minature Pinscher

Bichon Frise

Pekingese

Papillon

Poodle (Toy)

Japanese Chin

Maltese

Pomeranian

Chihuahua

## JADUAL III

(Undang-undang kecil 2)

ANJING TERLARANG

Pit Bull Terrier/Pit Bull (juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Staffordshire Bull Terrier)

American Bulldog

Neapolitan Mastiff

Japanese Tosa

Akita

Dogo Argentino

Fila Braziliero

## JADUAL IV

(Undang-undang kecil 2)

ANJING TERKAWAL

Rottweiller

Doberman

German Shepard/Alsatian termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard

Bull Mastiff

Bull Terrier

Perro de Presa Canario (juga dikenali sebagai Canary Dog)

## Jadual V

(Undang-undang kecil 3)

FI TAHUNAN

| Kategori anjing | Fi (RM) |
|---|---|
| Setiap anjing (selain anjing terkawal dan anjing kecil) | 50 |
| Anjing terkawal | 50 |
| Anjing terkawal yang telah dimandulkan atau dikasikan | 30 |
| Anjing kecil | 30 |
| Anjing kecil yang telah dimandulkan atau dikasikan | 10 |

## Jadual VI

(Undang-undang kecil 16)

Caj untuk seekor anjing setiap hari — RM2.00

## Jadual VII

(Undang-undang kecil 18)

Fi lesen tahunan untuk rumah pembiakan anjing — RM150.00".

**Peruntukan peralihan dan kecualian**

17. (1) Jika seekor anjing, kecuali anjing yang dinyatakan dalam Jadual III dan Jadual IV, telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ibu, anjing itu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, disifatkan telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan pemunya anjing itu hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, menyebabkan anjing itu diimplankan dengan mikrocip menurut undang-undang kecil 3B dan Sijil Mikrocip yang dikeluarkan kepadanya hendaklah dikemukakan kepada Datuk Bandar.

(2) Jika pemunya anjing di bawah perenggan (1) gagal mematuhi perenggan (1), anjing itu hendaklah terhenti daripada disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan (1) dan Datuk Bandar hendaklah menyita dan melupuskan anjing itu.

(3) Jika seekor anjing yang dinyatakan dalam Jadual IV telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ibu, anjing itu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, disifatkan telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan pemunya anjing itu hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Datuk Bandar—

*(a)* mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar;

*(b)* membawa anjing itu mengikuti dan lulus kursus "Canine Good Citizen" yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar;

(*c*) menyebabkan anjing itu diimplankan dengan mikrocip menurut undang-undang kecil 3A; dan

(*d*) mengemukakan perakuan kursus pengendalian anjing, perakuan kursus "Canine Good Citizen" dan Sijil Mikrocip yang dikeluarkan kepadanya kepada Datuk Bandar.

(4) Jika pemunya anjing di bawah perenggan (3) gagal mematuhi perenggan (3), anjing itu hendaklah terhenti daripada disifatkan telah dilesenkan di bawah perenggan (3) dan Datuk Bandar hendaklah menyita dan melupuskan anjing itu.

(5) Semua anjing yang dinyatakan dalam Jadual III yang telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ibu hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, terhenti dilesenkan dan pemunya anjing itu hendaklah, mengikut apa-apa cara, melupuskan anjing itu.

(6) Jika pemunya anjing di bawah perenggan (5) gagal melupuskan anjing itu, Datuk Bandar hendaklah menyita dan melupuskan anjing itu.

(7) Tiada pampasan boleh kena dibayar oleh Datuk Bandar bagi pelupusan mana-mana anjing di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(8) Apa-apa permohonan bagi pelesenan anjing atau pembaharuan lesen yang belum selesai hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini, diuruskan menurut peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(9) Semua daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Undang-Undang Kecil ibu hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah daftar itu disimpan dan disenggarakan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Dibuat 1 Jun 2011
[JHEU2/5/80; PN(PU²)328A/XXIV]

TAN SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan 6 September 2011
[KWP(S):24/PUU/698/1/1/1; PN(PU²)328A/XXIV]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
*Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2011

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms, the following by-laws:

### Citation, application and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2011**.

(2) These By-Laws apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

(3) These By-Laws shall come into operation on 1 October 2011.

**Amendment of by-law 2**

2. The Licensing Of Dogs and Kennel Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1991 [*P.U. (A) 470/1991*], which are referred to as the "principal By-Laws" in these By-Laws, are amended in by-law 2—

*(a)* by substituting for the definition of "licensed dog" the following definition:

' "licensed dog" means a dog which has been implanted with a microchip and licensed under by-law 3;';

*(b)* by inserting before the definition of "veterinary surgeon" the following definition:

' "small dog" means any of the dogs as specified in Schedule II;';

*(c)* by inserting after the definition of "owner" the following definition:

' "restricted dog" means any of the dogs as specified in Schedule IV;';

*(d)* by inserting before the definition of "Commissioner" the following definition:

' "banned dog" means any of the dogs as specified in Schedule III;';

*(e)* by inserting after the definition of "licensed dog" the following definition:

' "microchip" means an encoded electronic devices implanted in a dog which contains the registration number of the dog;'; and

*(f)* by inserting after the definition of "microchip" the following definition:

' "Microchip Certificate" means the certificate as specified in Schedule I;'.

**Amendment of by-law 3**

3. The principal By-Laws are amended by substituting for by-law 3 the following by-law:

"**Licensing of dogs**

3. (1) No person shall own, keep, harbour or maintain any dog unless the dog is licensed pursuant to these By-Laws.

(2) An application for a licence—

*(a)* shall be made to the Commissioner in such form as may be determined by the Commissioner;

*(b)* shall be accompanied by a fee of ten ringgit; and

*(c)* in the case of restricted dog, shall be made after—

(i) the applicant has undergone and passed the dog handling course; and

(ii) the dog has undergone and passed the "Canine Good Citizen" course

organized by anybody approved by the Commissioner.

(3) The Commissioner may, after considering the application, approve or refuse the application.

(4) Where an application for a licence is approved, the applicant shall cause his dog to be implanted with a microchip under by-law 3A.

(5) A licence shall only be granted when the applicant—

*(a)* produces the Microchip Certificate;

*(b)* pays the annual fee as specified in Schedule V; and

*(c)* in the case of restricted dog, produces a certificate showing that he has passed the dog handling course and his dog has passed the "Canine Good Citizen" course pursuant to subparagraph (2)*(c)*.

(6) A licence granted under this by-law shall be valid for a minimum period of one year and it may be issued for a maximum period up to three years and it shall be renewed on or before the period expired.

(7) The fee paid under paragraph (2) is not refundable.".

**New by-laws 3A, 3B and 3C**

4. The principal By-Laws are amended by inserting after by-law 3 the following by-laws:

"**Microchip implantation**

3A. (1) The applicant under by-law 3 shall, upon receipt of approval of the application for licensing of his dog, bring his dog to a veterinary surgeon for microchip implantation.

(2) A microchip implantation shall be performed by a veterinary surgeon approved by the Commissioner.

(3) A microchip shall be implanted in a dog on the dorsal between midline cranial to the scapula of the dog.

(4) The cost of microchip implantation shall be borne by the applicant.

(5) A veterinary surgeon who has performed a microchip implantation shall issue a complete and signed Microchip Certificate to the applicant.

(6) A veterinary surgeon shall, within one week after performing a microchip implantation on a dog, submit a copy of Microchip Certificate issued under paragraph (5) to the Commissioner.

**Microchip and Microchip Certificate**

3B. (1) For the purpose of microchip implantations, a veterinary surgeon shall use microchips and Microchip Certificates supplied by the Commissioner.

(2) An veterinary surgeon may obtain the microchips and Microchip Certificates from the Commissioner upon payment of a sum of money as may be determined by the Commissioner.

**Renewal of licence**

3C. (1) An application for renewal of licence—

*(a)* shall be made to the Commissioner in such form as may be determined by the Commissioner and be accompanied by a fee of ten ringgit; and

*(b)* shall be accompanied by the Microchip Certificate.

(2) The Commissioner may, after considering the application, approve or refuse the application.

(3) The fee paid under paragraph (1) is not refundable.".

**Amendment of by-law 4**

5. The principal By-Laws are amended by substituting for by-law 4 the following by-law:

"**Register**

4. The Commissioner shall keep and maintain a register which contains the following particulars:

*(a)* the address and particulars of the owner of the dog;

*(b)* the breed, sex and age of the dog;

*(c)* whether the dog has been spayed or castrated;

*(d)* the place where the dog is kept;

*(e)* the veterinary surgeon who has performed the microchip implantation;

*(f)* the serial number of the Microchip Certificate and licence;

*(g)* the validity period of licence; and

*(h)* any other relevant particulars.".

**New by-laws 4A and 4B**

6. The principal By-Laws are amended by inserting after by-law 4 the following by-laws:

"**Change of particulars**

4A. (1) An owner of a dog shall, when there is any change in—

*(a)* his address as stated in his licence;

*(b)* the place where the dog is kept; or

*(c)* any particular pertaining to his dog,

immediately apply to the Commissioner to change such particulars.

(2) An application for change of particulars under paragraph (1) shall be made to the Commissioner in such form as may be determined by the Commissioner and be accompanied by a fee of ten ringgit.

(3) Upon receiving an application under paragraph (2), the Commissioner shall amend the particulars of the licence and enter the particulars in the register accordingly.

**Production of licence**

4B. (1) An owner of the dog shall keep the licence granted to him under by-law 3 and shall produce the licence for inspection when required by the Commissioner.

(2) Any owner who fails to produce the licence for inspection shall be guilty of an offence.".

**Deletion of by-laws 5 and 6**

7. The principal By-Laws are amended by deleting by-laws 5 and 6.

**Amendment of by-law 7**

8. The principal By-Laws are amended by substituting for by-law 7 the following by-law:

"7. (1) Where the ownership of a licensed dog is changed, the licensing of the dog shall continue in force but the previous owner and the new owner shall within thirty days of the change of ownership apply for change of particulars of ownership to the Commissioner.

(2) An application under paragraph (1) shall only be approved when—

*(a)* the previous owner produces the licence and Microchip Certificate issued to him;

*(b)* the new owner pays a fee of ten ringgit; and

*(c)* in the case of a licensed restricted dog, the new owner produces a certificate showing that he has undergone and passed the dog handling course organized by any body approved by the Commissioner.

(3) Where an application under paragraph (1) is approved, the Commissioner shall enter the name and address of the new owner in the licence and Microchip Certificate and shall amend the register accordingly.".

**New by-law 7A**

9. The principal By-Laws is amended by inserting after by-law 7 the following by-law:

"**Lost, *etc.*, of licensed dog**

7A. If a licensed dog is lost, dead or shifted out of the Federal Territory of Kuala Lumpur, the owner of the dog shall immediately notify the Commissioner in writing.".

**Amendment of by-law 8**

10. By-Law 8 of the principal By-Laws is amended—

*(a)* by inserting after paragraph (1) the following paragraphs:

"(1A) Notwithstanding paragraph (1), any person who intends to keep, harbour or maintain or allow to be kept, harboured or maintained dogs more than the permissible number in his premises shall apply for the permission to the Commissioner.

(1B) The Commissioner may, after considering the application, approve or refuse the application.

(1C) A permission granted under this by-law may be subject to such conditions as the Commissioner thinks fit to impose."; and

*(b)* by substituting for the subparagraph 2*(b)* the following subparagraph:

"*(b)* in any flat; or".

**New by-laws 8A, 8B and 8C**

11. The principal By-Laws are amended by inserting after by-law 8 the following by-laws:

"**Small dog in flat**

8A. Subject to by-law 3 and notwithstanding paragraph 8(2)*(b)*, the Commissioner may allow one small dog to be kept, harboured or maintained in a flat.

**Prohibition of banned dog**

8B. (1) Notwithstanding by-law 3, no person shall own, keep, harbour or maintain any banned dog.

(2) The Commissioner shall seize and dispose of any banned dog found in any premises or found straying in a public place.

(3) No compensation shall be payable by the Commissioner for the disposal of the dog.

**Responsibilities of licensed owner of restricted dog**

8C. A person who is granted a licence to own, keep, harbour or maintain a restricted dog shall—

*(a)* keep the dog under proper surveillance at all times;

*(b)* ensure that the dog is leashed and muffled and under proper control at all times whenever it is taken out of the premises;

(*c*) ensure that the dog does not stray out of the place where it is kept;

(*d*) ensure that his premises is safely fenced and the fence is properly maintained at all times;

(*e*) display at all times a "BEWARE OF DOG" sign in a prominent and conspicuous place at the front and back of his premises.".

**Amendment of by-law 12**

12. By-law 12 of the principal By-Laws is amended—

(*a*) by inserting after paragraph (1) the following paragraph:

"(1A) Where complaints of incessant barking by a dog which causes a nuisance to the neighbourhood are received by the Commissioner, the Commissioner may require the owner of the dog to take necessary steps to prevent such nuisance or order the owner of the dog to remove his dog to another place and within the period as may be specified by the Commissioner."; and

(*b*) by inserting after paragraph (2) the following paragraph:

"(2A) Where a dog defecates in a public place or on a land or premises other than that occupied by the owner, the owner of the dog shall remove the faeces immediately and dispose of the faeces in a way that does not cause a nuisance.".

**Amendment of by-law 16**

13. The principal By-Laws are amended in by-law 16—

(*a*) in paragraph (1), by substituting for the word "I" the words "VI"; and

(*b*) in paragraph (2), by deleting the words "by the badge it wears".

**Amendment of by-law 16A**

14. By-law 16A of the principal By-Laws is amended by substituting for subparagraph (4)(ii) the following subparagraph:

"(ii) upon an application for a licence pursuant to by-law 3.".

**Amendment of by-law 18**

15. Paragraph 18(1) of the principal By-Laws is amended by substituting for the words "II" the words "VII".

**Amendment of Schedules I and II**

16. The principal By-Laws are amended by substituting for Schedules I and II the following Schedules:

"

SCHEDULE I

(By-law 2)

MICROCHIP CERTIFICATE

**SIJIL MIKROCIP**

**MICROCHIP CERTIFICATE** **NO.**

| | |
|---|---|
| **NAMA HAIWAN:**<br>NAME OF PET | |
| **JENIS:**<br>SPECIES | |
| **BAKA:**<br>BREED | |
| **JANTINA:**<br>SEX | |
| **TARIKH LAHIR:**<br>DATE OF BIRTH | |
| **MANDUL/KASI:**<br>SPAYED/CASTRATED | **YA/TIDAK**<br>YES/NO |

| | |
|---|---|
| PEMUNYA:<br>OWNER:<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br>☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | BUTIR-BUTIR MIKROCIP<br>MIKROCHIP DETAILS<br><br>PENGELUAR:<br>MANUFACTURER<br><br>NO. SIRI ID/ID SERIAL NUMBER: |

DENGAN INI DIPERAKUKAN BAHAWA HAIWAN DI ATAS TELAH DIIMPLANKAN DENGAN MIKROCIP
IT IS HEREBY CERTIFIED THAT THE ABOVE MENTIONED PET HAS BEEN IMPLANTED WITH MICROCHIP

PADA ____________________
ON

..........................................
TANDATANGAN & COP
DOKTOR VETERINAR
Veterinarian
Signature & Stamp

Malaysian Veterinary Council No:

**PERTUKARAN PEMUNYAAN DAN ALAMAT**
**CHANGE OF OWNERSHIP & ADDRESS**

| | | |
|---|---|---|
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br>☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..................................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br>☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..................................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |
| PEMUNYA:<br>OWNER<br><br>NO. KP:<br>IC NO.:<br>☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐<br><br>ALAMAT:<br>ADDRESS: | Disahkan oleh:<br>Verified by<br><br>..............................<br>tandatangan & cop doktor veterinar<br>Signature & veterinary surgeon stamp<br><br>Bertarikh:<br>Dated | ..................................<br>(Jabatan Kesihatan)<br>b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur<br>(Commissioner of the City of Kuala Lumpur) |

## SCHEDULE II

(By-law 2)

SMALL DOGS

Minature Pinscher

Bichon Frise

Pekingese

Papillon

Poodle (Toy)

Japanese Chin

Maltese

Pomeranian

Chihuahua

## SCHEDULE III

(By-law 2)

BANNED DOGS

Pit Bull Terrier/Pit Bull (also known as American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Staffordshire Bull Terrier)

American Bulldog

Neapolitan Mastiff

Japanese Tosa

Akita

Dogo Argentino

Fila Braziliero

## SCHEDULE IV

(By-laws 2)

RESTRICTED DOGS

Rottweiller

Doberman

German Shepard/Alsatian including Belgian Shepard dan East European Shepard

Bull Mastiff

Bull Terrier

Perro de Presa Canario (also known as Canary Dog)

## SCHEDULE V

(By-law 3)

ANNUAL FEES

| Category of dog | Fees (RM) |
|---|---|
| Each dog (other than a restricted dog and small dog) | 50 |
| Restricted dog | 50 |
| Restricted dog which has been spayed or castrated | 30 |
| Small dog | 30 |
| Small dog which has been spayed or castrated | 10 |

## SCHEDULE VI

(By-law 16)

Charges per dog per day—RM2.00

## SCHEDULE VII

(By-law 18)

Annual licence fee for kennel establishment—RM150.00".

**Transitional and saving provisions**

17. (1) Where a dog, except for the dogs specified in Schedule III and Schedule IV, has been licensed under the principal By-Laws, the dog shall, on the coming into operation of these By-Laws, be deemed to be licensed under these By-Laws and the owner of the dog shall, within six months from the date of coming into operation of these By-Laws or any extended period as may be authorized by the Commissioner, cause the dog to be implanted with a microchip pursuant to by-law 3B and the Microchip Certificate issued to him shall be submitted to the Commissioner.

(2) Where the owner of the dog under paragraph (1) fails to comply with paragraph (1), the dog shall cease to be deemed to be licensed under paragraph (1) and the Commissioner shall seize and dispose of the dog.

(3) Where a dog specified in Schedule IV has been licensed under the principal By-Laws, the dog shall, on the coming into operation of these By-Laws, be deemed to be licensed under these By-Laws and the owner of the dog shall, within six months from the date of coming into operation of these By-Laws or any extended period as may be authorized by the Commissioner—

*(a)* undergo and pass the dog handling course organized by any body approved by the Commissioner;

*(b)* bring the dog to undergo and pass the "Canine Good Citizen" course organized by any body approved by the Commissioner;

*(c)* cause the dog to be implanted with a microchip pursuant to by-law 3A; and

*(d)* submit the handling course certificate, "Canine Good Citizen" course certificate and Microchip Certificate issued to him to the Commissioner.

(4) Where the owner of the dog under paragraph (3) fails to comply with paragraph (3), the dog shall cease to be deemed to be licensed under paragraph (3) and the Commissioner shall seize and dispose of the dog.

(5) All dogs specified under Schedule III which have been licensed under the principal By-Laws shall, on the coming into operation of these By-Laws, cease to be licensed and the owners of the dog shall, in any manner, dispose of the dogs.

(6) If the owners of the dogs under paragraph (5) fail to dispose of the dogs, the Commissioner shall seize and dispose of the dogs.

(7) No compensation shall be payable by the Commissioner for the disposal of any dog under these by-laws.

(8) Any pending application for licensing of dogs or renewal of licence shall, on the coming into operation of these By-Laws, be dealt with pursuant to the provisions of these By-Laws.

(9) All registers kept and maintained under the principal By-Laws shall continue to be in force and have effect as if they were kept and maintained under these By-Laws.

Made 1 June 2011
[JHEU2/5/80; PN(PU²)328A/XXIV]

TAN SRI AHMAD FUAD BIN ISMAIL
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed 6 September 2011
[KWP(S):24/PUU/698/1/1/1/; PN(PU²)328A/XXIV]

SENATOR DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
*Minister of Federal Territories and Urban Wellbeing*

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA